



## **KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, MEI 2024**

**Kadar pengangguran pada bulan Mei 2024 kekal 3.3 peratus, dengan bilangan penganggur terus menurun kepada 566.1 ribu orang**

**PUTRAJAYA, 10 Julai 2024** – Kadar pengangguran pada bulan Mei 2024 kekal 3.3 peratus, dengan bilangan penganggur terus menurun kepada 566.1 ribu orang, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mei 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Mei 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Kedudukan ekonomi yang optimis pada bulan Mei 2024 telah membolehkan pasaran buruh negara terus berkembang dengan stabil. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada bulan Mei 2024 terus mengukuh iaitu sebanyak 0.1 peratus merekodkan 17.15 juta orang (April 2024: 17.12 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.3 peratus, seperti yang direkodkan bulan lalu.”

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja pada bulan Mei 2024 kekal dalam trend positif, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 16.58 juta orang (April 2024: 16.56 juta orang). Manakala, bilangan penganggur turun sedikit iaitu sebanyak 0.1 peratus daripada 566.4 ribu orang pada bulan April 2024 kepada 566.1 ribu orang pada bulan Mei 2024. Kadar pengangguran pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada 3.3 peratus.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Pada bulan Mei 2024, kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 12.44 juta orang (April 2024: 12.43 juta orang). Begitu juga, kategori penduduk bekerja sendiri terus berada pada trend menaik, dengan pertambahan sebanyak 0.3 peratus kepada 3.05 juta orang (April 2024: 3.04 juta orang).”

Dari segi sektor ekonomi, hampir dua pertiga penduduk bekerja yang tertumpu dalam sektor Perkhidmatan terus menunjukkan peningkatan, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Maklumat & komunikasi. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian juga merekodkan pertambahan dalam guna tenaga.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan Mei, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif merangkumi 79.9 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus kepada 452.0 ribu orang (April 2024: 451.4 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 61.5 peratus adalah merupakan mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.8 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Manakala, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia turun sebanyak 0.8 peratus kepada 114.0 ribu orang (April 2024: 115.0 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 10.5 peratus pada bulan Mei 2024, merekodkan 305.6 ribu penganggur belia (April 2024: 10.6%; 305.9 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal tidak berubah iaitu pada 6.5 peratus, dengan 434.6 ribu penganggur belia berbanding bulan sebelumnya (April 2024: 6.5%; 434.9 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan di luar tenaga buruh pada bulan Mei 2024 mencatatkan penurunan kecil iaitu sebanyak 0.003 peratus kepada 7.23 juta orang (April 2024: 7.23 juta orang). Komposisi utama luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga, merangkumi 42.7 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/latihan (41.4%).

Mengakhiri kenyataan tersebut, berikutan aktiviti ekonomi dan perniagaan yang terus rancak, ianya telah menyumbang kepada pewujudan lebih banyak pekerjaan serta peluang pendapatan dalam ekonomi, sekaligus akan menggalakkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Selain itu, prestasi indeks pelopor negara juga terus mencatatkan peningkatan, sekaligus memberi isyarat bahawa ekonomi Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan berterusan dalam tempoh terdekat. Oleh itu, pasaran buruh dijangka akan terus berada di landasan yang stabil pada bulan-bulan akan datang, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, kedudukan ekonomi domestik yang semakin berkembang serta pemuliharan sektor luaran.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan

pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1:** Penduduk bekerja, Malaysia, Mei 2021 - Mei 2024



**Carta 2:** Pengangguran, Malaysia, Mei 2021 - Mei 2024



**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 10 Julai 2024**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 JULAI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,**  
**MAY 2024**

***The unemployment rate in May 2024 stood at 3.3 per cent, with the number of unemployed reduced further to 566.1 thousand persons***

**PUTRAJAYA, 10 July 2024** – The unemployment rate in May 2024 stood at 3.3 per cent, with the number of unemployed reduced further to 566.1 thousand persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, May 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for May 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “An optimistic economic position in May 2024 has allowed the country’s labour market to continue to develop steadily. Therefore, the number of labour force in May 2024 strengthened further by 0.1 per cent to record 17.15 million persons (April 2024: 17.12 million persons). The labour force participation rate remained at 70.3 per cent, as recorded last month.”

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons in May 2024 remained in a positive trend, with a rise of 0.1 per cent month-on-month to 16.58 million persons (April 2024: 16.56 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons fell slightly by 0.1 per cent from 566.4 thousand persons in April 2024 to 566.1 thousand persons in May 2024. The unemployment rate during the month remained unchanged at 3.3 per cent.

Explaining further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, “In May 2024, the employees’ category comprised 75.1 per cent of the total employed persons, increasing by 0.1 per cent to 12.44 million persons (April 2024: 12.43 million persons). Similarly, the category of own-account workers was on an upward trend, with an addition of 0.3 per cent to 3.05 million persons (April 2024: 3.04 million persons).”

In terms of economic sector, nearly two-thirds of the employed persons were concentrated in the Services sector, which continued to show an uptrend, particularly in the Wholesales & retail trade, Food & beverage services and Information & communication activities. On the same note, the Manufacturing, Construction, Mining & quarrying and Agriculture sectors also recorded a rise in employment.

*Elaborating more on the unemployment situation in May, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that those who were available for work and were actively seeking jobs or were actively unemployed made up 79.9 per cent of the total unemployed persons. This category showed an increase of 0.1 per cent to 452.0 thousand persons (April 2024: 451.4 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, 61.5 per cent were those who were unemployed for less than three months, whereas 6.8 per cent were those who were in long-term unemployment for more than a year. Meanwhile, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available were reduced by 0.8 per cent to 114.0 thousand persons (April 2024: 115.0 thousand persons).*

*The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years declined by 0.1 percentage points to 10.5 per cent in May 2024, resulting in 305.6 thousand unemployed youths (April 2024: 10.6%; 305.9 thousand persons). Nevertheless, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years remained unchanged at 6.5 per cent, with 434.6 thousand unemployed youths compared to the previous month (April 2024: 6.5%; 434.9 thousand persons).*

*As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force in May 2024 posted a slight decrease of 0.003 per cent to 7.23 million persons (April 2024: 7.23 million persons). The major composition of the outside labour force was housework/ family responsibilities, accounting for 42.7 per cent, followed by the schooling/ training category (41.4%).*


*Concluding the statement, as economic and business activities continue to flourish, it has contributed to the creation of more jobs and income opportunities in the economy, which will encourage more labour participation in the market. In addition, the performance of the country's leading index also continued to improve, signalling that the Malaysian economy is expected to experience sustained growth in the near term. Therefore, the labour market is expected to remain on a stable path in the upcoming months, backed by favourable economic growth, a growing domestic economic position, as well as the recovery of the external sector.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

**Chart 1: Employed persons, Malaysia, May 2021 - May 2024**



**Chart 2: Unemployment, Malaysia, May 2021 - May 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**10 JULY 2024**